Daljit Kaur a/p Grimale Singh lwn Majlis Peguam Malaysia

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PETISYEN UNTUK PENERIMAAN MASUK PEGUAMBELA DAN PEGUAMCARA NO 18–412–03 TAHUN 2012
NORDIN HASSAN H
31 OKTOBER 2018

Profesion Undang-Undang — Penerimaan — Petisyen penerimaan masuk — Kaveat bagi membantah penerimaan masuk pempetisyen sebagai peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya — Sama ada kaveat yang difailkan boleh diketepikan — Sama ada pempetisyen layak diterima masuk sebagai peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya — Akta Profesion Undang-Undang 1976 ss 10, 11, 12 & 17

Pada 26 Mac 2017, pempetisyen telah memfailkan petisyen untuk penerimaan masuk sebagai peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya. Pempetisyen sebelum itu telah menjalani latihan dalam kamar dengan peguambela dan peguamcara Mathimugam a/p Karuppannan di Tetuan Mathimugam, Chee & Partners. Pada 17 Julai 2012, pempetisyen telah memperolehi perintah 'shortcall' dari Mahkamah Tinggi Seremban. Pempetisyen juga telah memfailkan Borang 7 dan 8. Walau bagaimanapun, pada 5 September 2013, Responden telah memfailkan notis masuk kaveat di bawah s 17, Akta Profesion Undang-Undang 1976 ('Akta') yang membantah penerimaan masuk pempetisyen sebagai peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya. Alasan responden untuk memfailkan notis masuk kaveat adalah berdasarkan laporan tiga pensyarah yang menjalankan program latihan bagi graduan undang-undang dan laporan dari Mathimugam a/p Karuppannan. Lebih kurang tiga tahun kemudian, pempetisyen memperolehi 'Certificate of Completion' dari Legal Profession Qualifying Board ('LPQB'). Melalui surat bertarikh 28 Jun 2017 daripada Tetuan Mathimugam, Chee & Partners, responden telah dimaklumkan bahawa pempetisyen telah menamatkan latihan dalam kamarnya, lulus kursus etika dan telah diberikan 'Certificate of Completion' oleh LPQB. Responden kemudiannya melalui surat bertarikh 3 Julai 2017 kepada Tetuan Mathimugam, Chee & Partenrs menyatakan bahawa responden tidak bersedia untuk mengenetepikan kaveat terhadap pempetisyen dan akan membantah penerimaan masuk pempetisyen sebagai peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya. Sebelum itu, Jawatankuasa Peguam Negeri Sembilan telah mengemukakan laporan sulit kepada responden menyatakan bahawa pempetisyen seorang yang layak dan sesuai untuk diterima masuk sebagai peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya. Di samping itu, Kementerian Kesihatan Malaysia juga telah menjalankan pemeriksaan terhadap pempetisyen dan mengeluarkan satu

laporan perubatan bertarikh 16 Ogos 2017 yang antara lain menyatakan: (a) pempetisyen ada mengalami schizophrenia tetapi telah berkurangan dan beransur pulih; (b) keadaan pempetisyen adalah terkawal dan beliau mengambil ubat dengan teratur; dan (c) rawatan berterusan akan diberikan kepada pempetisyen.

Diputuskan, mengenepikan kaveat:

(1) Kaveat yang difailkan terhadap pempetisyen adalah berdasarkan laporan-laporan terhadap pempetisyen yang diterima pada tahun 2013 di mana pempetisyen, tidak dinafikan mengalami penyakit schizophrenia. Berhubung isu kesihatan pempetisyen ini, pada tahun 2017 iaitu hampir empat tahun selepas kaveat tersebut difailkan oleh responden, keadaan kesihatan pempetisyen telah beransur pulih berdasarkan laporan perubatan Kementerian Kesihatan bertarikh 16 Ogos 2017. Malahan, firma guaman di mana pempetisyen menjalani latihan dalam kamar, yang sebelum ini pengajarnya memberi penilaian yang negatif pada tahun 2013, telah memaklumkan kepada responden melalui surat bertarikh 28 Jun 2017 bahawa pempetisyen adalah seorang yang berkelayakan di bawah Akta bagi maksud diterima masuk sebagai peguambela dan peguamcara. Jelasnya, pempetisyen telah memenuhi segala syarat-syarat yang digariskan terutamanya di bawah ss 11 dan 12 Akta (lihat perenggan 11–13 & 17).

(2) Memandangkan asas bantahan responden terhadap penerimaan masuk pempetisyen sebagai peguambela dan peguamcara adalah keadaan kesihatannya pada tahun 2013, keadaan ini telah berubah dan kesihatan pempetisyen telah beransur pulih. Tiada apa-apa keterangan lain yang menunjukkan keadaan pempetisyen seperti yang dilaporkan pada tahun 2013. Oleh itu, tiada asas dan alasan lagi untuk kaveat terhadap pempetisyen dikekalkan (lihat perenggan 18–19).

[English summary

On 26 March 2017, the petitioner has filed petition to be admitted as the advocates and solicitors of High Court of Malaya. The petitioner prior to that has completed her chambering with Mathimugam a/p Karuppannan of Messrs Mathimugam, Chee & Partners. On 17 July 2012, the petitioner has obtained the 'shortcall' order from the High Court Seremban. The petitioner has also filed Forms 7 and 8. However, on 5 September 2013, the respondent has filed the notice to enter caveat pursuant to s 17 of the Legal Profession Act 1976 ('the Act') which objected the admission of the petitioner as the advocates and solicitors of the High Court of Malaya. The respondent's grounds of filing the notice to enter caveat was based on the reports by three lecturers whom conducted the training for law graduates and the report from Mathimugam a/p Karuppannan. On or about three years later, the petitioner obtained 'Certificate of Completion' from Legal Profession Qualifying Board ('LPQB').

Based on the letter dated 28 June 2017 from Messrs Mathimugam, Chee & Partners, the respondent has been informed that the petitioner has completed her chambering, passed her ethic course and has received 'Certificate of Completion' from LPQB. The respondent later through its letter dated 3 July 2017 to Messrs Mathimugam, Chee & Partners stated that the respondent is not ready to set aside the caveat against the petitioner and will object the admission of the petitioner as the advocates and solicitors of High Court of Malaya. Prior to that, the Lawyers' Committee of Negeri Sembilan had presented a confidential report to the respondent stating that the petitioner is eligible and suitable to be admitted as advocates and solicitors of the High Court of Malaya. Aside from that, the Ministry of Health of Malaysia has conducted an examination on the petitioner and produced one medical report on 16 August 2017 which, inter alia, states as follows: (a) petitioner has schizophrenia but it has subsided and she is recovering; (b) the petitioner's condition is under control and she takes her medicine accordingly; and (c) continuous treatment will be given to the petitioner.

Held, caveat set aside:

(1) The caveat filed against the petitioner was based on reports against the petitioner which were received in 2013 wherein the petitioner, undeniably suffering from schizophrenia. In relation to the petitioner's health condition, in the year of 2017 that is close to four years after the caveat has been filed by the respondent, the petitioner's health condition has improved based on the medical report from the Ministry of Health dated 16 August 2017. In fact, the law firm which the petitioner has undergone her chambering, which before this, her master has given negative evaluation in 2013, has informed the respondent through the letter dated 28 June 2017 that the petitioner is eligible under the Act to be admitted as the advocates and solicitors. Clearly, the petitioner has fulfilled all stipulated conditions especially the conditions pursuant to ss 11 dan 12 of the Act (see paras 11–13 & 17).

(2) Considering basis of the respondent's admission as the advocates and solicitors was based on her health condition on 2013, this situation has changed, and the petitioner's health condition has become better. There is no other evidence to show that the petitioner's condition is still the same as what was reported back in 2013. In this regard, there is no basis and there are no further grounds for the caveat against the petitioner to be sustained (see paras 18–19).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai petisyen penerimaan masuk, lihat 9 *Mallal's Digest* (5th Ed, 2018 Reissue) perenggan 1437–1441.

Kes-kes yang dirujuk

Bar Council Malaysia & Anor v Judy Blacious s/o AF Pereira [2017] 1 MLJ 670; [2016] 6 AMR 518, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Profesion Undang-Undang 1976 ss 10, 11, 11(1), 12, 12(1), (2), 17, Borang 7, 8

R Shankar (Ramachandran Shankar & Co) bagi pihak pemohon.
Ganeshalingam (Farez Jinnah) bagi pihak responden.

Nordin Hassan H:

PENDAHULUAN

[1] Kes ini adalah berhubung petisyen untuk penerimaan masuk pempetisyen, Daljit Kaur a/p Grimale Singh sebagai peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya.

[2] Responden, Majlis Peguam Malaysia telah memfailkan kaveat terhadap pempetisyen di bawah s 17 Akta Profesion Undang-Undang 1976 ('Akta 166') yang membantah penerimaan masuk pempetisyen sebagai peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya.

[3] Sehubungan itu, pendengaran kes ini telah ditetapkan pada 31 Oktober 2018 bagi mendengar hujahan pihak pempetisyen untuk mengetepikan kaveat yang difailkan oleh responden tersebut dan juga hujahan pihak responden berhubung kaveat yang difailkan berkenaan.

LATAR BELAKANG FAKTA

[4] Berdasarkan keterangan afidavit-afidavit dan dokumen-dokumen yang dikemukakan di mahkamah, fakta relevan yang dapat dirumuskan adalah seperti berikut:

(a) pada 26 Mac 2017, pempetisyen telah memfailkan petisyen untuk penerimaan masuk sebagai peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya melalui Petisyen No 18–412–03 Tahun 2012;

(b) pempetisyen sebelum itu telah menjalani latihan dalam kamar dengan peguambela dan peguamcara Mathimugam a/p Karuppannan di Tetuan Mathimugam, Chee & Partners di No 3, Tingkat 1, Jalan Besar Lukut, Port Dickson, Negeri Sembilan selama sembilan bulan dari 26 Mac–26 Disember 2012;

(c) dalam pada itu, pada 17 Julai 2012, pempetisyen telah memperolehi perintah 'shortcall' dari Mahkamah Tinggi Seremban;

(d) setelah itu, satu sijil kerajinan bertarikh 27 Disember 2012, iaitu Borang 8 telah dikeluarkan atas nama pempetisyen yang dibuat oleh Mathimugam a/p Karuppanan iaitu peguambela dan peguamcara di Tetuan Mathimugam, Chee & Partners;

(e) seterusnya dua sijil kelakuan baik iaitu Borang 7 telah dikeluarkan atas nama pempetisyen yang kedua-duanya bertarikh 6 Februari 2013 iaitu yang ditandatangani oleh Dato Krishnasamy a/l Muthurajoo, seorang peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya dan satu lagi ditandatangani oleh Puan Zahariah bt Abu Hassan, Penolong Kanan, Sekolah Menengah Kebangsaan, Dato Haji Abdul Samad, Port Dickson, Negeri Sembilan;

(f) walau bagaimanapun, pada 5 September 2013, responden telah memfailkan notis masuk kaveat di bawah s 17 Akta 166 yang membantah penerimaan masuk pempetisyen sebagai peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya;

(g) alasan responden memfailkan notis masuk kaveat ini adalah berdasarkan laporan tiga pensyarah yang menjalankan program latihan bagi graduan undang-undang dan laporan dari Mathimugam a/p Karuppannan;

(h) laporan-laporan mereka seperti yang dinyatakan dalam notis masuk kaveat berkenaan adalah seperti berikut:

(i) *surat dari pensyarah Puan Errol Mariette a/p Felix M Peters bertarikh 12 Jun 2013*:

> ... She giggled and talked to herself throughout the lectures ... I gave her a 'zero' for her opinion writing assignment because instead of writing an opinion, she wrote as though she was addressing a judge and even that was utter nonsense and full of gibberish ...

(ii) *surat dari pensyarah Encik Jeremiah Ravindran Gurusamy bertarikh 24 Jun 2013:*

> ... She was not attentive. She did not take down any notes and at times was seen day-dreaming, not focused and appeared to be in a world of her own, The student also displayed a perplexed behaviour, at time smiling to herself and was even seen laughing for no apparent reason ... the answers scripts she produced were gibberish at best ... I am rather concern if she is suffering from some form of psychological or mental condition based on peculiar and erratic behaviour ...

(iii) *surat dari pensyarah Encik Dipendra a/l Harehad Rai bertarikh 12 Julai 2013:*

> ... her answers were extremely gibberish, made no sense and were at

most times, illogical, ... that Daljit Kaur was seen talking, giggling and whispering to herself; that Daljit Kaur did not interact with her classmates, rather all her classmates kept away from her; ... I am not convinced of her state of mind or of she is fit to practice law ...

(iv) surat dari Mathimugam a/p Karuppanan, pengajar pempetisyen bertarikh 4 Jun 2013:

... that she was not friendly and she did not make the usual cursory pleasentries that you would expect a person to do ... I felt was unable to interact with clients.

... I realized she may not be able to handle court work, so during her tenure of pupillage I made her do research and take notes ...

(i) selepas lebih kurang tiga tahun kemudian, pada 15 Ogos 2016, pempetisyen telah memperolehi 'Certificate of Completion' bertarikh 15 Ogos 2016 dari Legal Profession Qualifying Board ('LPQB');

(j) selanjutnya, melalui surat bertarikh 28 Jun 2017, firma guaman di mana pempetisyen menjalani latihan dalam kamar sebelum ini iaitu firma Mathimugam, Chee & Partners telah memaklumkan kepada responden bahawa pempetisyen telah menamatkan latihan dalam kamarnya, lulus kursus etika dan telah diberikan 'Certificate of Completion' oleh LPQB. Sehubungan itu, responden ditanya sama ada bersedia untuk mengetepikan kaveat di bawah s 17 Akta 166 yang dimasukkan terhadap pempetisyen pada 5 September 2013;

(k) responden kemudian melalui surat bertarikh 3 Julai 2017 kepada Tetuan Mathimugam, Chee & Partners menyatakan bahawa responden tidak bersedia untuk mengetepikan kaveat terhadap pempetisyen dan akan membantah penerimaan masuk pempetisyen sebagai peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya;

(l) sebelum itu, Jawatankuasa Peguam Negeri Sembilan telah mengemukakan laporan sulit kepada responden menyatakan bahawa pempetisyen seorang yang layak dan sesuai untuk diterima masuk sebagai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya; dan

(m) di samping itu, Kementerian Kesihatan Malaysia yang telah menjalani pemeriksaan terhadap pempetisyen telah mengeluarkan satu laporan perubatan bertarikh 16 Ogos 2017 yang antara lain menyatakan:

(i) pempetisyen ada mengalami schisophrenia tetapi telah berkurangan dan beransur pulih;

(ii) keadaan pempetisyen adalah terkawal dan beliau mengambil ubat dengan teratur; and

(iii) rawatan berterusan akan diberikan kepada pempetisyen.

A KEPUTUSAN MAHKAMAH LNI

[5] Bagi mempertimbangkan isu penerimaan masuk pempetisyen sebagai peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya dan isu kemasukan kaveat oleh responden, rujukan kepada peruntukan di bawah Akta 166 adalah penting.

[6] Pertamanya, Mahkamah Tinggi mempunyai budibicara menerima masuk sebagai peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya mana-mana orang yang berkelayakan di bawah Akta 166.

Seksyen 10 menyatakan:

> 10 Admission of advocates and solicitors.
>
> The High Court may at its discretion and subject to this Act admit as an advocate and solicitor of the High Court —
>
> (a) any qualified person; and ...

[7] Seterusnya, orang yang berkelayakan berkenaan dinyatakan di bawah s 11(1) Akta yang sama iaitu seperti berikut:

> 11 Qualifications for admission.
>
> (1) Subject to section 14, a qualified person may be admitted as an advocate and solicitor if he —
>
> (a) has attained the age of eighteen years;
>
> (b) is of good character and
>
> (i) has not been convicted in Malaysia or elsewhere of a criminal offence as would render him unfir to be a memberi of his profession, and in particular, but not limited to, an offence involving fraud or dishonesty;
>
> (ii) has not been adjudicated bankrupt and has not been found guilty of any of the acts or omissions mentioned in paragraph 33(6)(a), (b), (c), (d), (e), (f), (h), (k) or (l) of the Bankcrptcy Act 1967;
>
> (iii) has not done any other act which, if being a barrister or solicitor in England, would render him liable to be disbarred, disqualified or suspended from practice; or
>
> (iv) has not been, or is not liable to be, disbarred, disqualified or suspended in his capacity as a legal practitioner in any other country;
>
> (c) is either a Federal citizen or a permanent resident of Malaysia;

(d) has satisfactorily served in Malaysia the prescribed period of pupillage for qualified persons.

[8] Selain itu, syarat lain yang perlu dipenuhi adalah menjalani latihan dalam kamar selama tempoh sembilan bulan seperti yang digariskan di bawah s 12(1) dan (2) Akta 166 yang menyatakan:

12 Period of pupillage of qualified person.

(1) For the purposes of this Part, a qualified person shall during his period of pupillage be known as a 'pupil', and a person with whom a pupil serves his period of pupillage or any part thereof shall be known as a 'master'.

(2) A qualified person shall, before he is admitted as an advocate and solicitor, serve a period of pupillage and, subject to this section and section 13, the prescribed period of pupillage shall be nine months.

[9] Berhubung dengan penerimaan masuk seseorang sebagai peguambela dan peguamcara adalah bersesuaian rujukan dibuat kepada prinsip-prinsip yang digariskan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes, *Bar Council Malaysia & Anor v Judy Blacious s/o AF Pereira* [2017] 1 MLJ 670; [2016] 6 AMR 518 yang antara lain menjelaskan:

[3] At the outset, we must say that legal profession is a noble profession. Intending and/or practising advocate who has no respect for the rule of law or does not subscribe to the rule of law and/or ethics may not be eligible to be an advocate or continue to be an advocate if so decided by the relevant bodies and/or court within the framework of the Legal Profession Act 1976 ('the LPA 1976') (see *Dinesh Kanavaji a/l Kanawagi & Anor v Ragumaran a/l N Gopal (Bar Council Malaysia, intervener)* [2016] 5 MLJ 79; [2016] 7 CLJ 667; [2016] 3 AMR 775). A person who qualifies with a law degree need not necessarily be admitted to the Bar if the strict requirements are not fulfilled, though there may not be any prohibition for seeking employment as a non-practising lawyer such as company secretary or lecturer, etc. *Trial court must take cognisance that it is in the public interest as well as within the spirit and intent of the LPA 1976 to ensure that those intending advocates who are admitted to the Bar are persons who have subscribed to the rule of law and ethics in their past conduct.*

[10] Dalam kes yang sama juga dinyatakan:

The court must appreciate that one can become a law graduate but not a practising lawyer if he cannot satisfy the requirements of the LPS 1976. The test for admission is one of qualification and discipline. Equitable and/or fairness principles, etc. Have no role to play in considering a petition for admission within the framework of the LPA 1976 and in this respect, previous legislation for admission to the Bar and the case laws under that legislation has no relevance (see *Re SRC Augustin* [1973] 1 MLJ 208). The most relevant section in the LPA 1976 for the court to determine if the petitioner is a fit and proper person to be admitted to the Bar according to law and not according to justice and/or fairness are ss 11 and 16 of the LPA 1976. Admission

A is not mandatory and the court has no discretion in the matter.

B **[11]** Kembali kepada kes pempetisyen, kaveat yang difailkan terhadap pempetisyen adalah berdasarkan laporan-laporan terhadap pempetisyen yang diterima pada tahun 2013 di mana pempetisyen, tidak dinafikan mengalami penyakit schizorphrenia. Ini adalah satu-satunya sebab kaveat berkenaan difailkan pada tahun 2013 dan bantahan penerimaan masuk pempetisyen sebagai peguambela dan peguamcara dibuat.

C **[12]** Berhubung isu kesihatan pempetisyen ini, pada tahun 2017 iaitu hampir empat tahun selepas kaveat tersebut difailkan oleh responden, keadaan kesihatan pempetisyen telah beransur pulih berdasarkan laporan perubatan dari Kementerian Kesihatan bertarikh 16 Ogos 2017.

D **[13]** Malahan firma guaman di mana pempetisyen menjalani latihan dalam kamar, yang sebelum ini pengajarnya memberi penilaian yang negatif pada tahun 2013, telah memaklumkan kepada responden melalui surat bertarikh 28 Jun 2017 bahawa pempetisyen adalah seorang yang berkelayakan di bawah Akta 166 bagi maksud diterima masuk sebagai peguambela dan peguamcara.

E

[14] Jawatankusa Peguam Negeri Sembilan sebelum itu juga ada melaporkan kepada responden bahawa pempetisyen layak diterima masuk sebagai peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya.

F

[15] Sijil-sijil berkelakuan baik pempetisyen juga ada dikeluarkan oleh peguam Dato' Krishnasamy a/l Muthurajoo dan Puan Zahariah bt Abu Hassan, Penolong Kanan Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Haji Abdul Samad, Port Dickson, Negeri Sembilan.

G

[16] Selain itu, pempetisyen juga telah memperolehi 'Certificate of Completion' dari LPQB pada 15 Ogos 2016.

H **[17]** Jelasnya, pempetisyen telah memenuhi segala syarat-syarat yang digariskan terutamanya di bawah ss 11 dan 12 Akta 166.

I **[18]** Bagi saya, memandangkan asas bantahan responden terhadap penerimaan masuk pempetisyen sebagai peguambela dan peguamcara adalah keadaan kesihatannya pada tahun 2013, keadaan ini telah berubah dan kesihatan pempetisyen telah beransur pulih. Tiada apa-apa keterangan lain yang menunjukkan keadaan pempetisyen seperti yang dilaporkan pada tahun 2013.

[19] Sehubungan itu, tiada asas dan alasan lagi untuk kaveat terhadap pempetisyen dikekalkan.

KESIMPULAN

[20] Sehubungan itu, kaveat yang difailkan oleh responden pada 15 September 2013 menurut s 17 Akta 166 adalah diketepikan.

[21] Di atas permohonan pempetisyen dan tanpa bantahan responden petisyen penerimaan masuk pempetisyen dipindahkan ke Mahkamah Tinggi Seremban untuk penerimaan masuk pempetisyen sebagai peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya.

Kaveat diketepikan.

Dilaporkan oleh Addibah Adnan